

Asas Forensik dalam Islam Berdasarkan Sejarah dan Elemen

The Basics of Forensics In Islam Based on The History And Elements

ATHIRAH MAHUSSIN, Universiti Kebangsaan Malaysia

NURBAZLA ISMAIL, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABDUL BASIR MOHAMAD, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: January 20, 2021 Accepted: June 6, 2021 Online Published: June 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Kajian barat pada masa kini banyak membincangkan tentang forensik dari sudut patologi forensik, serologi forensik, entomologi forensik, antropologi forensik dan odontologi forensik. Namun, perbincangan forensik juga wujud dalam kitab fiqh yang dibahaskan oleh para fuqaha sejak awal kewujudan Islam. Hal demikian terbukti sebagaimana yang telah disebut dalam al-Quran, hadith dan kisah para sahabat iaitu peristiwa sejarah yang mengandungi unsur yang boleh dikaitkan dengan ilmu forensik. Walau bagaimanapun, perbincangan berkaitan asas forensik dalam Islam masih belum diteroka dengan terperinci. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengkaji asas forensik dalam Islam dengan menelusuri sejarah dan elemen yang boleh dikaitkan dengan ilmu forensik. Kajian ini menggunakan metodologi pengumpulan data secara analisa dokumen seterusnya data dianalisis secara induktif dan deduktif. Hasil kajian mendapati bahawa asas forensik dalam Islam dapat dilihat berdasarkan sejarah dan elemen yang boleh dikaitkan dengan ilmu forensik dalam Islam iaitu pengecaman kesan atau tinggalan jenayah, pengecaman kesan darah, pengecaman bau, pengecaman tapak kaki dan pengecaman air mani. Kajian ini memberi implikasi kepada para ilmuan yang membuat kajian bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kewujudan dan perkembangan ilmu forensik dalam Islam.

Kata kunci: Asas forensik, definisi forensik, sejarah forensik, elemen forensik, forensik Islam.

ABSTRACT

Western studies today have been discussed in many areas of forensic pathology, forensic serology, forensic entomology, forensic anthropology and forensic odontology. However, there has been a forensic debate in the book of jurisprudence since the early Islamic era. This has been proven, as mentioned in the Quran, hadith and the story of the companions which contain the history and the elements that could be related to forensic study. However, the discussions on the basics of forensics in Islam have not yet been explored in detail. The aim of this study is therefore to examine the basics of forensics in Islam by observing the history and elements that could be related to the forensic study. The methodology used in this study for data collection is document analysis and the data is then analysed inductively and deductively. The results of the study found that the basis of forensics in Islam can be seen on the basis of the history and elements that could be associated with the forensic study in Islam, namely the detection of traces or remnants of crime, the identification of blood effects, the detection of odours, the recognition of footprints and the identification of sperm. This study has implications for scholars who have conducted research to give exposure to the society about the existence and development of forensic knowledge in Islam.

Keywords: the basis of forensics, forensic definition, forensic history, forensic elements, forensic in Islam.

PENGENALAN

Forensik adalah ilmu yang berkaitan dengan pembedahan atau siasatan yang melibatkan sistem keadilan, kehakiman, undang-undang dan jenayah. Forensik merangkumi pelbagai jenis bidang seperti patologi forensik, odontologi forensik, entomologi forensik, serologi forensik, antropologi forensik dan toksikologi forensik. Semua bidang tersebut telah dibincangkan dan diperdebatkan oleh sarjana Barat dengan terperinci. Walau bagaimanapun, tiada

perbincangan khusus berkaitan forensik dalam Islam. Maka, timbul persoalan berkaitan asas forensik dalam Islam. Justeru itu, kajian ini akan membincangkan asas forensik dalam Islam dari sudut sejarah forensik sebelum kedatangan Islam dan selepas kedatangan Islam. Selain itu, kajian ini akan memperincikan elemen forensik yang dibahaskan dalam Islam. Hal ini bagi membuktikan bahawa forensik telah wujud sejak zaman permulaan Islam.

DEFINISI FORENSIK DALAM ISLAM

Forensik merupakan perkataan baru yang digunakan pada zaman kini namun tidak disebut secara khusus dalam Kitab Fiqh. Oleh itu, definisi forensik perlu diterajui daripada kitab untuk menjelaskan maksud forensik dalam Islam. Penjelasan definisi forensik dari sudut Islam ini memainkan peranan penting bagi memahami sesuatu ilmu yang berkaitan dengan forensik. Maka perbincangan selanjutnya menerangkan tentang definisi forensik yang telah dibincangkan dalam kitab.

Menurut Tariq Soleh (2009), tiada definisi yang lengkap bagi istilah forensik kerana istilah forensik dalam bahasa Arab menggunakan pelbagai perkataan seperti *al-Tibb al-Qadha'i*, *al-Tibb al-Qanuni*, *al-Tibb al-'Adli*, *al-Tibb al-Jana'a'i* dan *Tibb al-Mahakim*. Manakala Ibn Manzur (1962) dan Khalid Muhammad (2008) menjelaskan bahawa forensik dalam bahasa Arab ialah *al-Tibb al-Syar'ie* yang dinamakan sebagai sains perubatan. *Al-tibb* dari segi bahasa membawa maksud mengubati, merawat atau boleh diertikan sebagai psikoterapi (Ibn Manzur 1962). Manakala dari sudut istilah pula bermaksud suatu perkara yang memberi penjelasan tentang anggota badan manusia, sifat, bentuk atau keadaan fizikalnya (Abdul Aziz 1999).

Al-Tibb al-Syar'ie adalah satu bidang perubatan yang mempunyai perkaitan dengan sistem keadilan dan badan kehakiman. Bidang tersebut adalah bidang yang membantu dalam siasatan kes undang-undang jenayah seperti autopsi mayat dan mengenalpasti punca kematian. Bidang *al-Tibb al-Syar'ie* ini melibatkan pelbagai pengetahuan dan kepakaran perubatan bagi menyelesaikan kes-kes di hadapan mahkamah dengan tujuan untuk mencapai keadilan (Khalid Muhammad 2008).

Terdapat juga istilah lain yang digunakan bagi perkataan forensik iaitu *al-tasyrih* (anatomji) (al-Baaruudi al-'Utaibi 2011, Khalid Muhammad 2008). *Al-tasyrih* dari sudut bahasa berasal daripada perkataan *syaraha*, *yashrahu*, *syarhan* dan *tasyrihan*. Istilah-istilah tersebut membawa maksud bedah siasat, menerangkan, menjelaskan atau penjelasan yang berkaitan dengan sesuatu pendedahan (al-Razi 2010). *Al-tasyrih* dari sudut istilah pula adalah sains yang mengkaji komposisi organisma hidup secara umum seperti tumbuhan, haiwan atau manusia (Khalid Muhammad 2008).

Kesimpulannya, definisi forensik yang digunakan dalam Islam mengandungi pelbagai perkataan iaitu *al-Tibb al-Qadha'i*, *al-Tibb al-Qanuni*, *al-Tibb al-'Adli*, *al-Tibb al-Jana'a'i*, *Tibb al-Mahakim*, *al-Tibb al-Syar'ie* dan *al-tasyrih*. Definisi forensik mempunyai pengertian yang luas tetapi istilah forensik tidak dibahaskan oleh ulama terdahulu secara khusus. Namun, secara umumnya forensik dapat dikaitkan dengan pembedahan atau siasatan yang melibatkan sistem keadilan atau kehakiman khususnya undang-undang dan jenayah. Seterusnya, perbahasan akan

memperincikan tentang sejarah forensik sebelum dan selepas kedatangan Islam.

SEJARAH FORENSIK

Sejarah memainkan peranan untuk mengetahui asal usul ilmu forensik dan perkembangannya. Menurut Tariq Soleh (2009), perubatan forensik telah muncul sejak dahulu dan menjadi suatu ilmu pengetahuan baru kepada manusia. Ia juga dikenali sebagai sains perubatan. Namun sebelum abad ke-2 Masihi, manusia masih belum didedahkan tentang ilmu perubatan. Hal demikian kerana manusia pada ketika itu tidak mempunyai banyak maklumat tentang ilmu perubatan. Selepas abad ke-2 Masihi, ilmu perubatan mula diperkenalkan dan semakin lama semakin berkembang. Setelah itu, wujudnya ilmu forensik sebelum kedatangan Islam dan selepas kedatangan Islam.

Ilmu Forensik Sebelum Kedatangan Islam

Pada zaman Nabi Musa a.s, perubatan forensik telah diperkenalkan oleh penduduk Mesir Purba (Ibn al-Nadim 1994, al-Aziz 1999, Al-Jaabiri 2002, Tariq Soleh 2009). Mereka menyembunyikan diri dan melakukan proses mumia yang didahului dengan pembasmian organ dalaman yang terdapat dalam badan manusia. Kemudian mereka belajar tentang sebab kematian ketika melakukan pembedahan tersebut. Pengamalan ini menjadikan mereka mahir dalam profesi atau bidang forensik (Al-Jaabiri 2002, Tariq Soleh 2009).

Terdapat sebuah buku yang membahaskan tentang ilmu perubatan forensik iaitu “*bi al-Safar al-Muqaddas*”. Kandungan dalam buku tersebut menjadi panduan kepada doktor untuk merawat pesakit. Doktor yang merawat pesakit pada ketika itu mengambil langkah dengan cara mempelajarinya dan mengajarkannya kepada orang lain. Cara tersebut membuatkan mereka berjaya mencari bahan pengawet. Bahan pengawet yang ditemui itu digunakan untuk mengawetkan mayat yang dikenali sebagai proses pemumiaan. Proses pemumiaan ini tidak melakukan sebarang penguraian pada badan mayat dan dapat bertahan selama berabad-abad (Ibn Nadim 1994, al-Aziz 1999).

Proses pengawetan mayat ini menunjukkan forensik telah muncul sejak zaman Nabi Musa a.s kerana penduduk ketika itu telah melakukan proses pemumiaan dan pembasmian organ dalaman manusia. Ilmu forensik ini semakin berkembang apabila penduduk pada ketika itu mempelajari serta mengajarkan kepada orang lain. Hal ini menjadi bukti kewujudan ilmu forensik dan perkembangannya.

Pada zaman hindu, para pelajar dalam kalangan kaum India mempunyai kemahiran tersendiri dalam bidang pembedahan. Kemahiran tersebut ialah dapat mengesan sesuatu penyakit melalui cara tersendiri iaitu melalui pemeriksaan denyutan nadi, air kencing, dan juga najis. Mereka juga dapat mengenalpasti

tentang penyakit demam yang berkaitan dengan nyamuk, sesuatu wabak yang berkaitan dengan tikus dan juga penyakit kencing manis (Al-Difa'k 1998, Tariq Soleh 2009).

Manakala zaman Rom dan zaman pertengahan di Eropah yang disebut "zaman kegelapan" mempunyai korelasi dengan perubatan yang menggunakan sihir, ilmu hitam dan menilik nasib (Ibn Nadim 1996, al-Aziz 1999). Orang Rom pada mulanya memandang rendah tentang ilmu perubatan sehingga mereka bergantung kepada doktor Yunani dalam merawat anak-anak mereka. Mereka juga merasakan harus bergantung kepada diri mereka sendiri sehingga mereka membuka sekolah untuk mengajar bidang sains perubatan. Galinos adalah ahli perubatan Yunani yang paling terkenal hidup di bawah Tamadun Rom dan dia telah membina serta mengembangkan ilmu anatomi (Tariq Soleh 2009).

Zaman Yunani pula mewarisi perubatan dari Mesir purba, Babylon, India dan Cina pada awalnya juga mengamalkan sihir dan ilmu hitam. Kepercayaan karut yang diamalkan dalam perubatan mereka menyebabkan telah datang sumpahan Hippocrates. Ini memberikan pengaruh besar dalam ilmu perubatan ketika pemerintahan Hippocrates sekaligus menjadi sejarah yang paling penting dalam Hippocrates sehingga beliau dinamakan sebagai "Bapa Perubatan". Kemudian berlaku peralihan paradigma daripada ilmu sihir kepada sains (Ibn Nadim 1996, Tariq Soleh 2009, al-Aziz 1999).

Pada zaman Babylon, undang-undang yang ketat bagi amalan perubatan telah diperkenalkan. Undang-undang tersebut menekankan akauntabiliti para doktor tentang kesalahan mereka yang enggan mengaplikasikan perubatan secara profesional (al-Aziz 1999).

Sejarah ilmu forensik sebelum kedatangan Islam menunjukkan bahawa perkembangan ilmu forensik dapat dikaitkan dengan pembedahan, rawatan penyakit dan perubatan yang telah dijumpai oleh penduduk pada zaman dahulu. Perbincangan seterusnya akan membincangkan tentang perkembangan ilmu forensik selepas kedatangan Islam.

Ilmu Forensik Selepas Kedatangan Islam

Kedatangan Islam menandakan permulaan era baru dalam perubatan profesional. Perubatan secara profesional yang diaplikasikan ini berdasarkan kepada kaedah-kaedah saintifik tanpa adanya unsur-unsur sihir dan ilmu hitam (al-Aziz 1999). Berpandukan sabda Nabi SAW

فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: مَنْ أَتَى عِرَافًا فَسَأَلَهُ عَنْ شَيْءٍ لَمْ تَقْبِلْ لَهُ صَلَاةً أَرْبَعِينَ لَيْلَةً

(Sahih Muslim, Kitab al-Salam, Bab Tahrim al-Kihanah wa Ityan al-Kihan, no. hadith: 2230, juz 4, m.s 1751):

Maksud: "Telah bersabda Nabi SAW, siapa yang didatangi seorang peramat dan dia bertanya kepadanya

sesuatu, maka solatnya tidak diterima selama empat puluh malam."

Ilmu perubatan dalam Islam pada awal kemunculannya telah mengharamkan sihir dan menilik nasib. Walaupun orang kafir merupakan orang yang paling mahir tentang sihir, namun Islam adalah antara golongan yang pertama menerima perubatan yang dilakukan secara perubatan (Tariq Soleh 2009). Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: لَكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بِرَأْيَ ذَنْبٍ . اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ .

(Sahih Muslim, Kitab al-Salam, Bab Likulli daain dawaun wa istihbab al-tadawi, no. hadith: 4084, juz.11, m.s 211)

Maksud: "Telah bersabda Nabi SAW, Bagi setiap penyakit itu ada ubatnya. Apabila ubat itu sesuai untuk sesuatu penyakit, maka penyakit itu akan sembuh dengan izin Allah."

عَنْ أَنَّىٰ هُرَيْرَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءَ إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

(Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Tubb, Bab Ma anzala Allahu daa'an illa anzala lahu syifa, no. hadith: 5678, juz 19, m.s 89)

Maksud: Daripada Abu Hurairah r.a., telah bersabda Rasulullah SAW: "Tidaklah Allah menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan juga penawarnya."

Hadith di atas dapat dikaitkan dengan perkembangan sains perubatan dan perubatan Islam. Oleh itu, pendekatan yang digunakan dalam perubatan Islam adalah dengan mengesan punca sesuatu penyakit kemudian merawatnya dengan ubat-ubatan yang berpandukan saranan Rasulullah SAW.

Orang Arab pada ketika itu fikiran mereka lebih tertumpu kepada ajaran Islam. Mereka mula mendapat manfaat daripada ubat-ubatan herba untuk merawat penyakit yang dihadapi oleh mereka. Mereka menggunakan ubat-ubatan mudah seperti madu dan melakukan beberapa pembedahan kecil seperti rawatan besi panas, bekam dan sebagainya (Tariq Soleh 2009).

Kemudian, lahirnya ulama Islam yang mendalami ilmu perubatan. Mereka menjadi guru kepada pelajar yang mempelajari kitab mereka sehingga zaman mereka berakhir. Ilmu berkaitan bidang perubatan khususnya ilmu pembedahan tidak diabaikan oleh para ulama Islam. Keadaan itu menunjukkan mereka juga mempunyai kemahiran dalam ilmu pembedahan (Ibn 'Imad 1986, al-Aziz 1999).

Antara doktor Islam yang terkenal adalah Nusaibah binti Ka'ab al-Mazaniyah dan Sumayyah binti Khabbat. Walaupun beliau merupakan seorang wanita, Islam tetap memberikan hak kebebasan dan galakan kepada wanita untuk menuntut ilmu sehingga mencapai tahap pencapaian yang tinggi dari sudut keimanan dan kemahiran (Tariq Soleh 2009). Islam mempunyai pengaruh yang besar terutamanya dalam kalangan orang Arab. Islam tidak memaksa mereka agar berpegang dengan agama malah sebaliknya Islam memberi kebebasan akidah yang dipercayai oleh mereka.

Dari sudut perubatan pada zaman Khulafa al-Rasyidin pula, para sahabat masih meneruskan dan mengaplikasikan apa yang telah diamalkan pada zaman Rasulullah SAW dan digalakkan oleh Rasulullah SAW. Manakala doktor pada zaman mereka pula memberi tumpuan kepada panduan dan perintah daripada Rasulullah SAW berkaitan ilmu perubatan. Sebagai contoh, perintah Rasulullah SAW agar mengambil berat tentang kebersihan dan kesucian, memastikan semua kotoran yang berkaitan dengan anjing dibersihkan dan disamakkkan, menjauhi hubungan seksual yang tidak sah dan menjaga ikhtilat dengan baik (Al-Difa'k 1998, Tariq Soleh 2009).

Manakala ilmu perubatan pada awal pemerintahan Umawiyah juga bergantung kepada apa yang telah diajarkan oleh Rasulullah SAW. Tambahan pula, ilmu perubatan semakin berkembang dengan pesat kerana doktor Umawiyah pada ketika itu menterjemahkan buku-buku perubatan Yunani ke dalam Bahasa Arab. Oleh itu, mereka dapat mengetahui banyak perkara yang tiada dalam pemikiran mereka. Penterjemahan buku-buku Yunani ke dalam Bahasa Arab memberi banyak kebaikan kepada penduduk Bani Umawiyah (Al-Difa'k 1998, Tariq Soleh 2009).

Seterusnya, pada zaman 'Abbasiyyah, Harun al-Rashid dan anaknya al-Ma'mun menggalakkan para sarjana Muslim menterjemahkan buku-buku Yunani ke dalam bahasa Arab dan meletakkan buku terjemahan tersebut di Baitul Hikmah. Setelah itu, Baghdad menjadi pusat sains yang didatangi oleh para pelajar sains di seluruh dunia. Kemudian, khalifah Arab menggalakkan saintis untuk menterjemahkan buku sains perubatan kerana mereka sedar bahawa penghasilan karya merupakan perkara penting dalam kemajuan Tamadun Islam. Kemudian, Khalifah al-Makmun menggalakkan dan memberi perintah kepada para penterjemah supaya membuat terjemahan buku ilmu sains tanpa mengira sebarang kesulitan dalam menterjemahkannya (Al-Difa'k 1998, Tariq Soleh 2009).

Rentetan itu, perubatan Islam telah diperluaskan ke dalam bidang sains forensik dengan melibatkan banyak perkara iaitu melalui dua fasa. Fasa pertama adalah fasa penterjemahan kitab lama yang berkaitan dengan pembedahan. Gerakan penterjemahan telah diaktifkan pada zaman Abbasiyyah khususnya pada zaman khalifah al-Makmun. Banyak buku diterjemahkan daripada bahasa Syria dan Parsi kepada bahasa Arab yang melibatkan pelbagai bidang sains dan pelbagai topik lain termasuk buku berkaitan anatomi (Ibn 'Imad 1986, al-Aziz 1999) iaitu forensik.

Fasa kedua adalah fasa kreativiti dan inovasi. Pada abad ke sepuluh Masihi, sains perubatan telah tersebar dan semakin maju dalam kalangan para ulama Islam yang terlibat dalam bidang perubatan. Antara tokoh yang telah mengembangkan bidang perubatan ialah Abi Ali al-Hasan bin Abdullah bin Sina, Ali bin Sahl Rabban al-Tabari, Abi Bakr Muhammad bin Zakaria al-Razi dan Ali bin al-Abbas al-Majusi (Ibn 'Imad 1986, Ibn Nadim 1996, al-Aziz 1999).

Al-Razi adalah pengarang yang menghasilkan kitab yang khusus berkenaan topik pembedahan. Beliau telah menulis sehingga hari-hari terakhir dalam hidupnya. Bahkan kitabnya "*al-Mansuri*" merupakan kitab lengkap yang menjelaskan tentang pembedahan yang dapat memberikan kefahaman bagi semua permasalahan berkaitan pembedahan. Beliau adalah doktor yang terlibat dalam ilmu Syariah, Arab dan Matematik. Beliau adalah orang pertama yang menggunakan sperto dan fius. Sperto merupakan bahan kimia yang mudah terbakar dan digunakan untuk perubatan serta pembersihan luka. Kedua-dua alat tersebut (sperto dan fius) merupakan alat rawatan pembedahan (Tariq Soleh 2009, al-Aziz 1999) yang berkaitan dengan forensik.

Ilmu pembedahan juga diperkenalkan oleh Ibnu Sina melalui kitab yang dihasilkannya iaitu "*al-Qanun*". Ibnu Sina merupakan seorang yang berpengaruh dalam perubatan Arab dan Islam. Beliau juga merupakan seorang yang terkenal dengan pengeluaran atau penghasilan saintifiknya yang hebat. Ibnu Sina telah mengdiagnosis penyakit dan rawatan pada kaedah moden yang digunakan pada zaman sekarang iaitu dengan pengesanan air kencing, najis dan nadi. Beliau juga merupakan orang pertama yang menerangkan tentang keradangan meningitis dan juga menyifatkannya sebagai strok (Tariq Soleh 2009, al-Aziz 1999).

Selain itu, Ali bin al-Abbas al-Majusi merupakan pemilik kitab "*al-Sina'ah al-Tabiyyah*" atau "*al-Tibb al-Malaki*". Kitabnya menjadi rujukan pertama dalam perubatan yang menggantikan kitab *al-Qanun Li Ibn Sina*. Kitab tersebut memberikan pengetahuan tentang pembedahan hati dan sistem peredaran darah dan menjelaskan perbahasan ilmu secara tepat (al-Aziz 1999).

Perkembangan dalam ilmu perubatan boleh disifatkan sebagai kemajuan dalam ilmu forensik. Ini kerana forensik juga berkait rapat dengan ilmu perubatan. Kedua-dua fasa yang dibincangkan membuktikan bahawa ilmu forensik telah wujud dalam Islam sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Selain berdasarkan sejarah, asas forensik juga dapat dikenalpasti berdasarkan elemen tertentu. Oleh itu, perbincangan selanjutnya akan diperincikan tentang elemen yang menjadi asas forensik dalam Islam.

ELEMEN FORENSIK DALAM ISLAM

Kewujudan elemen forensik dalam Islam dapat dikenalpasti berdasarkan al-Quran, hadith dan amalan para sahabat. Terdapat lima elemen yang boleh dikategorikan sebagai elemen forensik dalam Islam iaitu pengecaman kesan atau tinggalan jenayah, penggunaan darah palsu, pengecaman bau, pengecaman kesan darah, pengecaman tapak kaki dan pengecaman air mani. Oleh itu, penerangan ini akan memperincikan setiap elemen yang dinyatakan.

Pengecaman Kesan atau Tinggalan Jenayah

Pengecaman kesan atau tinggalan jenayah bermaksud pengenalpastian jenayah adalah berdasarkan bukti yang ditinggalkan oleh penjenayah dalam sesuatu kes. Elemen forensik melalui pengecaman kesan atau tinggalan jenayah adalah berdasarkan ayat dalam surah Yusuf sebagaimana firman Allah SWT:

قَالَ هُنَّ رَوَّثُنِي عَنْ نَفْسِي وَشَهَدَ شَاهِدٌ مِنْ أَهْلِهَا إِنْ كَانَ قَبِيْصُهُ، فَذَلِكَ مِنْ قُبْلِ فَصَدَقَتْ وَهُوَ مِنْ الْكَذَّابِينَ. إِنْ كَانَ قَبِيْصُهُ فَذَلِكَ مِنْ دُبْرِ فَكَذَّبَتْ وَهُوَ مِنْ الصَّادِقِينَ.
(Al-Quran, Yusuf, 12:26-27)

Maksudnya: "Yusuf pula berkata: "Dia lah yang memujukku berkehendakkan diriku". (Suaminya tercengang mendengarnya) dan seorang dari keluarga perempuan itu (yang ada bersama-sama) tampil memberi pendapatnya dengan berkata: "Jika baju Yusuf koyak dari depan maka benarlah tuduhan perempuan itu, dan menjadilah Yusuf daripada orang-orang yang dusta. Dan jika bajunya koyak dari belakang, maka dustalah perempuan itu, dan Yusuf adalah dari orang-orang yang benar".

Menurut Ibnu Kathir dalam tafsirnya, dalam ayat ini Allah SWT menceritakan tentang Nabi Yusuf a.s. dan wanita itu ketika mereka menuju pintu berebut-rebut untuk keluar. Pada saat itu, Nabi Yusuf a.s. berusaha untuk keluar melarikan diri sementara wanita tersebut mengejarnya dari belakang agar Yusuf kembali ke dalam rumah. Lalu di saat itu juga wanita tersebut berjaya menarik bajunya dari belakang sehingga bajunya terkoyak besar. Seorang saksi memberikan keterangan bahawa andai Yusuf yang menggoda wanita itu dan wanita itu menolaknya dari bahagian dada pasti bajunya terkoyak dari bahagian depan. Seandainya wanita tersebut yang menggoda Yusuf, kemudian Yusuf lari darinya dan wanita itu mengejarnya dari belakang untuk mengembalikan Yusuf kepadanya, maka terkoyaklah baju Nabi Yusuf pada bahagian belakang (Ibnu Kathir 1999). Baju Nabi Yusuf yang koyak pada bahagian belakang ialah *al-Qarinah* yang menunjukkan bahawa bukan Nabi Yusuf yang cuba mencabuli Zulaikha (Siti Zalikhah 2006) tetapi sebaliknya.

Berdasarkan peristiwa daripada ayat al-Quran ini, dapat disimpulkan bahawa kesan yang terdapat pada baju Nabi Yusuf menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku pada Ketika itu. Baju yang koyak tersebut adalah satu-satunya bukti yang menunjukkan berlakunya kejadian jenayah. Elemen forensik wujud pada kesan koyakan baju itu yang dikatakan sebagai tinggalan jenayah dan boleh juga dikatakan sebagai *al-Qarinah*.

Pengecaman Kesan Darah

Pengecaman kesan darah merujuk kepada bukti yang diambil daripada kes jenayah yang berlaku dan kemudiannya diuji untuk mengenalpasti pemilik darah tersebut. Pengecaman kesan darah dapat dilihat daripada beberapa kes iaitu kes penggunaan darah palsu dan kes pengenalpastian pembunuh berdasarkan kesan darah.

Penggunaan darah palsu merupakan unsur forensik berdasarkan kisah Nabi Yusuf sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

وَجَاءُو عَلَىٰ قَبِيْصَهُ بِدَمِ كَذَّبٍ
(Al-Quran, Yusuf, 12:18)

Maksudnya: "Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka pula melumurkan baju Yusuf dengan darah palsu."

Dalam ayat ini, Allah SWT menceritakan taktik yang dipakai oleh saudara-saudara Nabi Yusuf iaitu dengan mengadakan suatu kisah pembobongan pembunuhan Nabi Yusuf yang ditinggalkan di dalam sebuah telaga. Darah yang terdapat pada baju Nabi Yusuf yang dibawa oleh saudara-saudaranya itu dijadikan sebagai bukti palsu yang menunjukkan bahawa Nabi Yusuf telah dimakan oleh serigala dan baju tersebut tidak kelihatan koyak atau tidak mempunyai kesan gigitan taring serigala (Siti Zalikhah 2006).

Darah palsu yang terdapat pada baju Nabi Yusuf boleh dikatakan sebagai elemen forensik kerana kesan darah tersebut boleh disiasat untuk menentukan sama ada darah tersebut adalah darah binatang atau darah manusia. Tambahan pula, tiada kesan koyakan atau pun gigitan serigala dijumpai pada baju Nabi Yusuf itu. Maka, bukti yang dikemukakan oleh saudara-saudara Nabi Yusuf itu merupakan bukti palsu. Hal ini menunjukkan bahawa asas forensik dalam Islam telah wujud sejak zaman Nabi Yusuf.

Manakala pengenalpastian pembunuhan berdasarkan kesan darah dapat dikenalpasti daripada sebuah hadith tentang kisah pembunuhan Abu Jahal sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ أَنَّهُ قَالَ: بَيْنَمَا أَنَا وَاقِفٌ فِي الصَّفَّ يَوْمَ بَدْرٍ، فَنَظَرْتُ عَنْ يَمِينِي وَشَمَائِلِي، فَإِذَا أَنَا بِعَلَامِيْنِ مِنَ الْأَنْصَارِ حَدِيْقَةً أَسْنَانُهُمَا، تَنَبَّئَتْ أَنَّ أَكُونُ بِيْنَ أَضْلَعِهِمَا، فَعَمَّرْتِي أَحَدُهُمَا، فَقَالَ لِي: يَا عَمَّ أَتَعْرِفُ أَبَا جَهْلِ؟ قُلْتُ: نَعَمْ، فَمَا حَاجَتُكَ إِلَيْهِ يَا بْنَ أَخِي؟ قَالَ: أَخْبِرْتُ أَنَّهُ يَسْبُ رسولَ اللَّهِ ﷺ. وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَئِنْ رَأَيْتُهُ لَمْ يُفَارِقْ سَوَادِيْ سَوَادَةَ حَتَّى يَمُوتَ الْأَعْجَلُ مِنَّا. فَتَعَجَّبَتْ لِذَلِكَ. قَالَ: فَعَمَّرْتِي الْآخَرُ، فَقَالَ لِي مِنْهُمَا: قَلِمَ أَذْشَبْ أَنَّ نَظَرْتُ إِلَيْ أَبِي جَهْلِ يَجْوُلُ فِي النَّاسِ، فَقُلْتُ: أَلَا إِنْ هَذَا صَاحِبُكُمَا الَّذِي سَالَثَمَانِيْ عَنْهُ. قَالَ: فَأَبْتَدَرَاهُ إِسْيَقِيَهُمَا فَضَرَبَاهُ حَتَّى قَتَلَاهُ. ثُمَّ اتَّصَرَّفَ إِلَيْ رسولِ اللَّهِ ﷺ فَأَخْبَرَاهُ. فَقَالَ: أَيُّكُمَا قَتَلَهُ؟ فَقَالَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا: أَنَا قَتَلْتُهُ. فَقَالَ: هَلْ مَسَحْتُنَا سَيِّفِيْكُمَا؟ قَالَا: لَا. فَنَظَرَ فِي السَّيِّفِيْنِ، فَقَالَ: كِلَاهُمَا قَتَلَهُ. سَلَبَهُ لِمَعَاذَ بْنَ عَمْرُو بْنِ الْجُمُوحِ. وَكَانَا مُعاَذَ بْنَ عَفْرَاءَ، وَمُعاَذَ بْنَ عَمْرُو بْنِ الْجُمُوحِ.

(Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab *Farad al-Khams*, Bab *Man Lam Yukhammisi al-Aslaab*, no. hadith: 3141, juz 11, m.s 253)

Maksudnya: Berkata Abdurrahman bin Auf ra: Ketika aku tengah berdiri dalam barisan pada hari perang Badar. Aku menoleh ke kiri dan ke kanan, ternyata aku dihimpit oleh dua orang anak muda

yang masih belia. Lalu aku berangan-angan mengharap agar aku menjadi seorang pejuang yang lebih kuat daripada mereka. Kemudian salah seorang daripada mereka mengisyaratkan dengan kerdipan mata kepadaku dan bertanya: Wahai pak cik apakah kamu mengenali Abu Jahal? Aku menjawab: Ya, tapi apakah urusamu dengan dia, wahai anak muda? Dia menjawab: Aku diberitahu bahawa dia pernah menghina Rasulullah saw. Demi Tuhan yang jiwaku berada di tangan-Nya, bila aku melihatnya maka aku tidak akan melepaskannya sehingga salah seorang di antara kami ada yang mati terlebih dahulu. Aku kagum sekali dengan keberanian anak muda itu. Lalu pemuda yang satu lagi mengerdipkan mata juga kepadaku dan mengatakan hal yang sama. Tidak lama kemudian aku melihat Abu Jahal bergerak di tengah-tengah kecamuk perang, lalu aku bertanya: Tidakkah kalian berdua telah melihat musuh yang kalian tanyakan tadi? Lalu mereka berdua berlumba-lumba ke arah Abu Jahal. Lalu menikam dengan pedang sehingga mereka berdua berhasil membunuhnya. Kemudian mereka berdua balik menemui Rasulullah saw untuk memberitahu kepada baginda. Lalu Rasulullah saw bertanya: Siapakah di antara kamu berdua yang telah membunuhnya?. Kedua-duanya menjawab: Akulah yang membunuhnya. Rasulullah saw bertanya lagi: Apakah kalian berdua telah membersihkan pedang? Mereka menjawab: Tidak. Rasulullah pun segera memeriksa pedang mereka. Lalu bersabda: Kamu berdua telah membunuhnya. Rasulullah saw memutuskan harta rampasan dari Abu Jahal untuk Mu'ad bin 'Amru bin al-Jamuh.

Berdasarkan hadith ini, Rasulullah SAW telah melakukan siasatan bagi menentukan pembunuh Abu Jahal. Dalam kes ini, dua orang pemuda al-Ansar yang bernama Mu'ad bin 'Amru bin al-Jamuh dan Mu'adh bin 'Afrah telah menyerang Abu Jahal dengan pedang sehingga mati. Kemudiannya, mereka kembali kepada Nabi Muhammad SAW untuk memaklumkan kepada baginda tentang kejadian itu. Nabi Muhammad SAW meminta supaya ditunjukkan pedang yang digunakan sebagai senjata untuk menyerang Abu Jahal dan mengesahkan bahawa mereka berdua telah menyerang Abu Jahal (Tariq Soleh 2009) tetapi *salab* (rampasan perang) diberikan kepada Mu'ad bin 'Amru bin al-Jamuh. Hal ini kerana Nabi Muhammad SAW telah mengenalpasti bahawa pedang Ibn al-Jamuh yang telah menikam jauh ke dalam tubuh Abu Jahal yang menyebabkan dia terbunuh (Ibn Rajab 1996) dan bukannya pedang Mu'adh bin 'Afrah. Maka, salab diberikan kepada Mu'ad bin 'Amru bin al-Jamuh.

Melalui kisah pembunuhan Abu Jahal ini, elemen forensik yang dapat dikenalpasti adalah elemen pengecaman kesan darah. Perkara ini berdasarkan penyiasatan kesan darah pada kedua-dua pedang pemuda al-Ansar tersebut oleh Rasulullah SAW. Kesan darah pada pedang tersebut merupakan bukti bahawa terdapat peristiwa pembunuhan yang berlaku. Hal ini menunjukkan bahawa elemen forensik itu sebenarnya telah sedia ada sejak zaman Rasulullah SAW lagi.

Pengecaman Bau

Pengecaman bau adalah berdasarkan daripada bukti yang ditemui di lokasi kejadian jenayah atau bukti yang dikemukakan ketika siasatan dilakukan. Elemen pengecaman bau dapat dilihat daripada ayat al-Quran sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَمَّا فَصَلَّتِ الْعَيْرُ قَالَ أَبُوهُمْ إِنِّي لَأَجُدُّ رِيحَ يُوسُفَ لَوْلَا أَنْ تُعْتَدُونَ

(Al-Quran, Yusuff 12:94)

Maksudnya: "Dan semasa Kafilah (Mereka meninggalkan Mesir menuju ke tempat bapa mereka di Palestin), berkatalah bapa mereka (kepada kaum kerabatnya yang ada di sisinya): "Sesungguhnya Aku ada terbau akan bau Yusuf. Jika kamu tidak menyangka Aku sudah nyanyuk (tentulah kamu akan percaya)".

Berkaitan ayat ini, Sayyid Qutb dalam tafsirnya menyatakan bahawa ayah Yusuf iaitu Nabi Yaakub dapat menghidu bau dan kehadiran Yusuf jauh sebelum Yusuf diserahkan kepadanya. Dalam keadaan buta matanya itu, Nabi Yaakub masih lagi dapat membezakan dan mengenalpasti bau khusus baju yang dihantar kepadanya. Kejadian ini adalah sesuatu yang menakjubkan sehingga baju tersebut menjadi mukjizat kepada penyembuhan mata Nabi Yaakub. Kisah ini menonjolkan keistimewaan bau badan manusia yang mempunyai ciri khusus dan keunikannya yang tersendiri (Sayyid Qutb 1995, Ahmad Syukran et al. 2015). Hal ini membuktikan bahawa pengecaman bau boleh dilakukan untuk mengesahkan sesuatu bahan bukti kerana keunikan bau seseorang yang dapat dikesan dan dihidu.

Maka, jelas bahawa pengecaman bau yang terdapat dalam kisah ini dapat dikatakan sebagai elemen forensik sekaligus membuktikan bahawa asas forensik sebenarnya telah diperkenalkan oleh Islam sejak dari dahulu lagi berdasarkan elemen pengecaman bau tetapi tidak disebut secara khusus sebagai satu elemen.

Pengecaman Tapak Kaki

Pengecaman tapak kaki adalah salah satu cara untuk mengenalpasti nasab keturunan seseorang atau lebih dikenali sebagai *al-Qiyafah*. Islam telah lama mengiktirafkan *al-Qiyafah* (Tariq Soleh 2009). Perkara ini boleh dikatakan sebagai salah satu elemen forensik kerana kaedah ini melibatkan proses siasatan. Elemen forensik dalam bentuk pengecaman tapak kaki dikenalpasti berdasarkan peristiwa yang telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW sebagaimana berikut:

عَنْ عَائِشَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا - قَالَتْ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ - دَخَلَ عَلَيْهِ مَسْرُورًا تَبَرُّقُ أَسَارِيرُ وَجْهِهِ فَقَالَ «أَلَمْ تَرَى أَنَّ مُحَمَّدًا نَظَرَ إِنَّفًا إِلَى زَيْدٍ بْنِ حَارِثَةَ وَأَسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ، فَقَالَ إِنَّ هَذِهِ الْأَقْدَامَ بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ»

(Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab *al-Faraaid*, Bab *al-Qaaif*, no. hadith: 6770, juz 22, m.s 277)

Maksudnya: Daripada Aisyah ra, bahawa Rasulullah SAW suatu hari datang menemuiku dengan gembira dan wajah berseri-seri lalu beliau bersabda: Apakah kamu tidak melihat tadi Mujazziz al-Mudlji memandang Usamah bin Zayd dan Zayd bin Harithah dan kedua mereka berada di bawah selimut, telah tertutup kepala mereka berdua dan terserlah kaki mereka berdua lalu dia berkata: Sesungguhnya sebahagian dari kaki-kaki ini berasal dari sebahagian yang lain (mirip).

Dalam hadith ini, Nabi Muhammad SAW menzahirkan kegembiraan apabila Mujazziz yang merupakan seorang *al-Qaif* mengesahkan penasaban antara Zayd bin Harithah dan anaknya Usamah. Ini kerana ahli nasab pada zaman Jahiliah mengutuk keturunan Usamah kerana keturunannya berkulit hitam manakala ayahnya Zayd pula berkulit putih. Apabila adanya *Al-Qaif* yang telah melakukan perbandingan antara dua paten kaki dan membuat kesimpulan bahawa kaki yang dianalisis adalah mempunyai paten yang sama seperti ciri-ciri yang dimiliki oleh seorang ayah dan anak (Ahmad Syukran et al. 2015). Maka, keturunan Usamah tidak lagi dikutuk kerana beliau adalah daripada keturunan Zayd juga.

Kisah ini menunjukkan bahawa pengecaman tapak kaki boleh digunakan untuk membuktikan keturunan seseorang. Seterusnya menjadi bukti kewujudan asas forensik dalam Islam melalui elemen pengecaman tapak kaki.

Pengecaman Air Mani

Elemen forensik yang seterusnya dapat dikenalpasti melalui peristiwa pengecaman air mani. Peristiwa ini berlaku pada zaman pemerintahan Saidina Umar al-Khattab r.a. iaitu kisah seorang wanita yang menggoda lelaki Ansar sebagaimana berikut:

“Saidina Umar al-Khattab r.a. didatangi oleh seorang wanita yang telah jatuh hati dengan seorang lelaki muda dari kalangan Ansar. Dia mencuba sedaya upaya untuk menggoda lelaki tersebut, namun usahanya gagal. Lalu dia mengambil keputusan untuk memberi tuduhan terhadap lelaki tersebut dengan mengatakan lelaki tersebut telah memperkosanya. Tipu daya yang digunakan oleh wanita tersebut adalah dengan cara mengambil telur putih dan menuangkannya atas pakaianya pada bahagian di antara pahanya. Kemudian dia datang menemui Saidina Umar dan mengadukan kepada Saidina Umar bahawa lelaki tersebut telah memperkosanya. Lalu dia mengatakan kepada Saidina Umar “Ini adalah kesannya” dan Saidina Umar menanyakan hal tersebut kepada wanita-wanita lain. Wanita-wanita tersebut mengatakan bahawa kesan yang ada pada badan dan pakaiannya itu adalah air mani. Maka Saidina Umar bersedia untuk menjatuhkan hukuman kepada lelaki tersebut. Namun lelaki tersebut tetap mengatakan bahawa dia tidak bersalah dan tidak melakukannya. Kemudian Saidina Umar merujuk perkara tersebut kepada Saidina Ali. Maka Saidina Ali perhatikan pada pakaian itu lalu meminta agar dibawakan air panas yang mendidih. Kemudian Saidina Ali mencurahkan pada pakaian tersebut dan mendapat cecair tersebut

bertukar menjadi beku. Lalu Saidina Ali mengambilnya, menghidu dan merasai bahan yang beku itu. Maka ketahuilah bahawa kesan tersebut bukanlah kesan air mani sebaliknya kesan itu adalah putih telur. Akhirnya perempuan tersebut mengaku bahawa dia telah mendusta.” (Ibn al-Qayyim, t.t)

Berdasarkan kisah ini, Saidina Ali bin Abi Thalib r.a. menjalankan analisis bahan yang disyaki sebagai bukti kesalahan jenayah. Melalui analisis tersebut, beliau dapat mengenalpasti jenis bahan tersebut dan mendapat bahawa dakwaan seorang wanita yang telah diperkosa sebenarnya adalah satu pembohongan. Saidina Umar Ibn al-Khattab menerima keputusan analisis tersebut dan telah membebaskan pemuda yang didakwa memperkosa wanita itu (Tariq Soleh 2009).

Maka, jelas bahawa pengecaman air mani adalah satu proses dalam siasatan bagi menentukan penjenayah. Proses ini adalah satu proses yang berkaitan dengan ilmu forensik sebagaimana yang telah dibahaskan. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa pengecaman air mani merupakan salah satu elemen forensik dalam Islam. Hal ini menunjukkan bahawa elemen forensik telah wujud sejak zaman sahabat.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbahasan yang terperinci berkaitan asas forensik dalam Islam, dapat disimpulkan bahawa definisi forensik dalam Islam adalah dibahaskan daripada perbincangan di dalam kitab fiqh atau pun kitab Bahasa Arab. Pelbagai perkataan digunakan oleh para fuqaha dalam membincangkan ilmu forensik iaitu *al-Tibb al-Qadha'i*, *al-Tibb al-Qanuni*, *al-Tibb al-'Adli*, *al-Tibb al-Jana'a'i*, *Tibb al-Mahakim*, *al-Tibb al-Syar'ie* dan *al-tasyrih*. Namun, secara umumnya forensik dapat dikaitkan dengan pembedahan atau siasatan yang melibatkan sistem keadilan atau kehakiman khususnya undang-undang dan jenayah.

Bagi mengenalpasti asas forensik dalam Islam, kajian ini membincangkan tentang sejarah ilmu forensik sebelum dan selepas kedatangan Islam. Kajian ini mendapati bahawa ilmu forensik dalam Islam telah wujud sejak zaman Nabi Musa a.s, zaman Nabi Yusuf a.s, zaman Rasulullah SAW dan juga para sahabat dan semakin berkembang sehingga ke hari ini. Selain itu, asas forensik dalam Islam dapat dikenalpasti berdasarkan elemen tertentu melalui peristiwa yang disebut dalam al-Quran, hadith dan amalan para sahabat. Perkara ini menunjukkan bahawa asas forensik dalam Islam adalah jelas dan tidak dapat dinafikan.

Kajian ini memberi implikasi kepada para ilmuwan yang membuat kajian bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kewujudan dan perkembangan ilmu forensik dalam Islam. Kajian lanjutan boleh dilakukan dari sudut kelebihan atau

keperluan bagi penerapan bidang forensik dalam sistem undang-undang di Malaysia.

RUJUKAN

- Al-Qur'an.
- Abdul Aziz Khalifah al-Qassaar. 1999. *Hukm Tasyrih al-Insaan: baina al-Syariah wa al-Qaanun*. Bierut, Lubnān: Dar Ibn Hazam lil Tibaa'ah wa al-Nasyr wa al-Tauz'ik.
- Abdul Aziz Khalifah al-Qassaar. 1999. *Hukm Tasyrih al-Insaan: baina al-Syariah wa al-Qaanun*. Bierut, Lubnān: Dar Ibn Hazam lil Tibaa'ah wa al-Nasyr wa al-Tauz'ik.
- Ahmad Syukran Baharuddin, Mohamad Amir Wan Harun, Aminuddin Ruskam, Abdul Rahim Yacob. 2015. *Forensik Biologi dalam Penjagaan Nasab (Hifz Al-Nasab/Nasl)*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Tamadun Islam dan Fakulti Sains.
- Ahmad Syukran Baharuddin, Aminuddin Ruskam, Abdul Rahim Yacob. 2015. *Prinsip Asas Sains Forensik dari Perspektif Islam: Suatu Sorotan Literatur*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Tamadun Islam dan Fakulti Sains.
- Al-Difa'k, Ali Abdullah. 1998. *Rawad ilm al-Tibb fi al-Hadarah al-'Arabiah wa al-Islamiah*. Bierut, Lubnān: Muassasah al-Risalah Naasirun.
- Al-Jaabiri, Jalal Al-Jabiri. 2002. *Al-Tibb al-Syar'i wa al-Samum*. Jordan: Dar al-Thaqafah lil al-Nasyr wa al-Tauzi'k.
- Ibn 'Imad, Abdul Hayyi Ahmad Muhammad Ibn 'Imad al-'Akri al-Hanbali, Abu al-Falah.
1986. *Syazarat al-Zahab fi Akhbar min Zahab*. Bierut, Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- Ibn al-Hajjaj, Muslim. 2006. *Sahih Muslim*. Saudi Arabia, Riyadh: Dar Taibah.
- Ibn al-Qayyim, Shams al-Din Muhammad. (t.t.). *Al-Turuq al-Hukmiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Farhun, Ibrahim Ali Muhammad. 1986. *Tabṣiratū al-Hukkam fi Usul al-Uqdīyah wa Manahij al-Hukkam*. Mesir: Maktabah al-Kulliyyat al-Azharīyah.
- Ibn Ismail, Muhammad al-Bukhari. 2002. *Sahih Bukhari*. Bierut, Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- Ibn Nadim, Muhammad Ishak al-Nadim. 1996. *Kitab al-Fihrist li Ibn Nadim*. Bierut, Lubnān: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Rajab, al-Hanbali. 1996. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Cairo: Maktab al-Tahqiq Dar al-Haramayn.
- Ibnu Kathir, Ismail Umar. 1999. *Tafsir Al-Qur'an Karim (Tafsir Ibnu Kathir)*. Saudi Arabia, Riyadh: Dar Taibah.
- Khalid Muhammad Sya'ban. 2008. *Mas'uliyyah al-Tibb al-Syar'i: Diraasah Muqaranah baina al-Fiqh al-Islami wa al-Qaanun al-Wadh'i*. Mesir: Dar al-Fikr al-Jaama'i.
- Sayyid Qutb, Ibrahim Husin. 1993. *Tafsir fi Zilal Al-Qur'an*. Beirut, Lubnān: Dar Syuruq.
- Siti Zalikhah Md. Nor. 2006. *Al-Syariah: Undang-undang Keterangan Islam*. Jil. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tariq Soleh Yusof Azam. 2009. *Atharu al-Tibb al-Syar'i fi Ithbat al-Huquq wa al-Jaraaim*. Jordan: Dar al-nafais lil nasyar wa al-tauzi'ik.

Athirah Mahussin
athirahmahussin@yahoo.com
Pelajar Siswazah
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

Nurbazla Ismail
nurbazla@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

Abdul Basir Mohamad
abasir@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC LAW (2021) 6(1)

KANDUNGAN / CONTENTS

Asas Forensik Dalam Islam Berdasarkan Sejarah Dan Elemen <i>The Basics of Forensics In Islam Based on The History And Elements</i> Athirah Mahussin, Nurbazla Ismail, Abdul Basir Mohamad	1-8
Mapping The Common Law Concept of Misrepresentation in Contract Under The Islamic Law Norhoneydayatie Abdul Manap, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Amira Madiyah Adnan	9-16
Panduan Ulama Islam Berkaitan Amalan Pencegahan Penularan Pandemik: Satu Sorotan <i>Muslim Scholars Guidances on Prevention of Pandemic:An Overview</i> Mohd Sophian Bin Ismail, Mohd Arif Bin Nazri, Najah Nadiah Binti Amran	17-28
Saman Penghutang Penghakiman: Keperluan Perintah Nafkah atau Perintah Tunggakan Nafkah <i>Judgment Debtor Summons: Requirements for Maintenance Order or Recovery of Arrears of Maintenance Order</i> Mohd Hazwan Ismail, Jasni Sulong	29-38
Baby Hatch Menurut Perundangan Malaysia dan Syarak <i>Baby Hatch According to Malaysian Law and Syarak</i> Syahida Nafisah Hishamuddin, Wafaa' Yusof	39-52
Aplikasi Kaedah Perubahan Hukum dengan Berubahnya Masa dalam Siyasah Syariyyah <i>Application of the Method of Changing the Rulings Due to Changes in Time in Siyasah Syariyyah</i> Mohd Izzuddin Bin Mohd Noor, Fatimah Nadirah Binti Mohd Noor	53-61

Journal of Contemporary Islamic Law
(2021) Vol. 6(1)

Editor-In-Chief
Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani
Co-Editor
Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary
Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor
Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor
Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi
Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abdur
Dr. Asman Taeali
Dr. Muhammad Yasir Yusuf
Dr. Ahmad Nizam
Dr. T. Meldi Kesuma
Sarjiyanto
Shinta Melzatia
Dr. Hamza Hammad
Dr. Nazlida Muhamad
Dr. Madiha Riaz
Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor
Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor
Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor
Dr. Mohd Zamro Muda
Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor
Dr. Mohammad Zaini Yahaya
Dr. Azlin Alisa Ahmad
Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:
Research Centre for Sharia,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:
Author, (2021), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 6(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:
This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).
You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivative Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.